

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Contingency plan activated

Hospital deploying more staff, adding and freeing up more beds

By TEH ATHIRA YUSOF
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: A contingency plan has been activated to address overcrowding at the emergency department of Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) in Klang, following viral images showing patients on IV drips and in wheelchairs waiting in various parts of the hospital.

The congestion was due to a sudden surge in patient numbers over the past two to three days.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad acknowledged the situation, noting that the hospital had already made preparations ahead of the festive season.

"In the past two to three days, the HTAR emergency department has seen a significant rise in patient arrivals," he said in a Facebook post.

Dzulkefly added that HTAR had activated a surge capacity plan that was put in place specifically for the festive period.

"The average length of stay of patients at HTAR wards is about five to six days, compared to two to three days at most other Health Ministry hospitals. This is largely because many of HTAR's patients

Waiting patiently: Visitors queuing to get a pass to enter the hospital. (Inset) Dzulkefly says the hospital director and officers from the ministry are working to manage the situation. — KK SHAM/The Star



are elderly," he explained.

He also said HTAR director Dr Selvamalar Selvarajan, along with special officers from the ministry, are currently stationed

at the emergency department and working to manage the situation.

Among the immediate measures taken are relocating discharged patients waiting for pick-up to designated areas to free up beds, placing additional beds in specific zones while awaiting

ward admission, and deploying extra staff.

"I am fully aware of the inconvenience this has caused and sincerely appreciate the patience and cooperation shown by patients and their families," said Dzulkefly.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : NEGERI



Keadaan kesesakan yang berlaku di Jabatan Kecemasan HTAR Klang.

SINAR HARIAN M/S 26 NEGERI 19/4/2025 (SABTU)

HTAR sesak, pengisian katil 100 peratus

Langkah proaktif dilaksanakan bagi mempercepatkan penempatan pesakit ke wad

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KLANG



Kadar pengisian katil (BOR) di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di sini mencecah 100 peratus sehingga menyebabkan kesesakan pada pasca musim perayaan sejak minggu lalu.

Pengarahnya, Dr S Selvamalar berkata, jumlah bilangan pesakit yang menunggu untuk kemasukan wad meningkat dengan purata harian mencecah 120 pesakit sejak seminggu kebelakangan ini.

"Dengan kemasukan harian ke wad yang tinggi iaitu 130 hingga 150 pesakit, ia menyumbang kepada BOR yang hampir mencecah 100 peratus.

"Walaupun berdepan lonjakan itu, HTAR mengekalkan kadar discaj lebih 100 pesakit sehari bagi mengurangkan jumlah pesakit menunggu katil, bagaimanapun trend purata masa kemasukan ke wad kini

mula menurun," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurut Selvamalar, beberapa langkah proaktif telah dilaksanakan bagi mengurangkan kesan kesesakan dan mempercepatkan proses penempatan pesakit ke wad.

"Ia antara menyediakan ruang khas bagi pesakit yang stabil dan menunggu urusan untuk discaj selain meletakkan katil tambahan di zon kecemasan.

"Kakitangan dalaman HTAR juga dimobilisasi bagi memastikan kelancaran operasi terutama ketika waktu puncak kehadiran pesakit," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya berjaya menyelesaikan discaj 62 pesakit dan menguruskan 78 pesakit yang menunggu di Jabatan Kecemasan sehingga jam 10 pagi Jumaat.

Sehubungan itu, katanya, HTAR

memberi jaminan setiap pesakit akan diberikan rawatan sewajarnya oleh pasukan perubatan bertugas walaupun mereka masih menunggu sebelum penempatan ke wad.

"Kami turut memohon keprihatinan pelanggan menggunakan kemudahan rawatan di fasiliti lain seperti klinik kesihatan bagi kes selain kecemasan," katanya.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad memaklumkan kementerianya mengambil langkah segera bagi mengatasi isu kesesakan itu yang berpunca daripada lonjakan kedatangan pesakit susulan pasca Aidilfitri.

Sebelum ini, tular satu hantaran di media sosial berhubung lambakan pesakit di Jabatan Kecemasan HTAR yang tidak dapat ditempatkan di wad meskipun sudah tiga hari dimasukkan ke hospital berkenaan.

Kadar kemasukan pesakit ke wad HTAR Klang tinggi sejak minggu lalu.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

BH MIS 8 NASIONAL 19/4/2025 (Sabtu)

Masalah kekurangan jururawat di hospital swasta kritikal

Fasiliti kesihatan berdepan kesesakan, tidak dapat buka wad baharu dan ICU

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebahagian besar daripada 167 hospital swasta di negara ini menghadapi isu kekurangan jururawat yang kritikal sehingga tidak dapat membuka wad baharu dan Unit Rawatan Rapi (ICU).

K keadaan itu menyebabkan fasiliti berkenaan tidak dapat mengatasi masalah kesesakan pesakit.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (PHSM), Datuk Dr Kuljit Singh, berkata memburukkan keadaan, jururawat Malaysia pula memilih berhijrah ke luar negara kerana gaji yang tinggi, manakala proses pengambilan jururawat asing bagi berkhidmat dalam negara oleh agensi tertentu pula, lambat.

"Ini menyebabkan sebahagian calon jururawat (asing) itu akhirnya 'lari' ke negara lain," katanya kepada BH.

Katanya antara faktor yang menyebabkan hospital swasta ber-



depan masalah kekurangan jururawat adalah permintaan dari luar negara terhadap jururawat tempatan yang semakin meningkat kerana standard dan kualiti perkhidmatan yang tinggi.

Beliau berkata walaupun Kementerian Kesihatan (KKM) memberi kelonggaran bersyarat kepada hospital swasta untuk mendapatkan khidmat jururawat asing, proses kelulusannya boleh mencecah sehingga enam bulan bagi seorang jururawat, membatalkan kelulusan yang perlu diperolehi daripada Pendaftar Lembaga Kejururawatan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Jabatan Imigresen.

Dr Kuljit berkata, kekurangan jururawat menyebabkan wad baharu dan ICU tidak dapat dibuka kerana jumlah jururawat yang ada tidak memenuhi peraturan mengikut Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

"Kita memerlukan jururawat yang ramai, termasuk jururawat asing, namun yang mendapat kelulusan masuk setakat ini sedikit sahaja kerana proses kelulusan jururawat asing ini mengambil masa, sehingga akhirnya mereka

memilih negara lain.

"Kita sudah maklumkan masalah ini kepada KKM dan agensi berkaitan, namun maklum balas yang diterima adalah ia mesti mengikut proses yang ditetapkan dan kita juga faham kerana setiap agensi ada peraturannya," katanya.

Berdasarkan Petunjuk Kesihatan 2024 yang dikeluarkan KKM seramai 40,146 (33.93 peratus) daripada 118,309 jururawat berdaftar di negara ini berkhidmat dalam sektor swasta sehingga 31 Disember 2023.

9,224 jururawat diperlukan

Sebelum ini, satu kajian yang dijalankan PHSM pada November 2022 menunjukkan, tambahan 9,224 jururawat diperlukan pada 2023 hingga 2025 dalam sektor swasta.

Bermula 1 Oktober 2023, KKM memberikan pengecualian kepada jururawat asing daripada mendapatkan Kelayakan Pasca Asas untuk bekerja di negara ini bagi mengurangkan tekanan di hospital swasta akibat kesesakan pesakit.

Pengecualian itu diberikan untuk tempoh setahun, dengan lanjutan tambahan diberikan berdasarkan permohonan semula dan kelulusan.



Dr Kuljit Singh

Bagi mempercepatkan proses kelulusan, Dr Kuljit mencadangkan supaya satu pusat sehati diwujudkan di mana-mana agensi berkaitan bagi memudahkan proses membawa masuk jururawat asing.

Katanya, di bawah pusat sehati itu, semua agensi yang terlibat diletakkan di satu tempat, sekali gus mempercepat urusan memperoleh kelulusan, berbanding ke setiap agensi satu demi satu.

"Sekarang, (permohonan) kita perlu melalui banyak lapisan. Ia tidak salah kerana setiap agensi mempunyai prosedurnya sendiri tapi ia memakan masa yang lama, yang akhirnya kita kehilangan calon jururawat asing itu kerana mereka ke negara lain.

"Proses kelulusan di negara lain lebih cepat, tapi itu tidak bermakna ia tidak dilakukan dengan teliti," katanya.

Beliau juga berkata walaupun negara seperti Singapura, Australia, New Zealand dan Asia Barat menawarkan gaji yang lebih tinggi, Malaysia tetap menjadi antara pilihan menarik disebabkan faktor keselamatan, cuaca dan keadaan kerja yang disifatkan lebih baik.

Antara jururawat asing yang memohon untuk berkhidmat di negara ini adalah dari India, Sri

Lanka dan Pakistan.

"Kita bertanya mengapa mereka memilih Malaysia dan mereka menyatakan Malaysia negara yang baik, justeru tidak kisah jika dibayar kurang berbanding negara lain.

"Secara perbandingan, kita sangat baik dalam banyak aspek tapi kita tidak begitu bijak menggunakan peluang itu," katanya.

Mengenai jururawat Malaysia yang memilih untuk bekerja di luar negara, Dr Kuljit mengakui, sukar untuk hospital swasta negara ini menandingi tawaran diberikan di negara lain, terutama gaji.

Jururawat Malaysia, katanya adalah antara yang terbaik di dunia, yang dimahukan di banyak negara, termasuk di Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK).

"Jika kita mahu tawarkan (gaji) yang sama, kos akan meningkat dan sekarang pun, orang sudah bising dengan kos kita, jadi kita tiada pilihan.

"Ada sesetengah hospital yang menyemak semula skala gaji dua atau tiga kali setahun dan kita cuba lakukan yang terbaik," katanya.

Pada 1 Ogos tahun lalu, kerajaan menamatkan moratorium pengambilan kursus jururawat yang dilaksanakan sejak 2010 bagi menampung kekurangan kumpulan pekerja itu.

Dr Kuljit berkata moratorium itu hanya memberi kesan yang minimum kepada isu kekurangan jururawat.